



📷 WALAUPUN Majlis Media Malaysia dicadangkan sebagai sebuah badan statut perundangan, fungsinya lebih sesuai sebagai tribunal yang mengawasi kewartawanan secara adil, menentukan iklim kebebasan bersuara yang sihat serta menjamin keharmonian masyarakat dan negara.

🏠 Home / Rencana / Pendapat / Majlis Media Malaysia harus berpaksi keadilan, jaminan iklim bersuara yang sihat

Pendapat

Rencana

# Majlis Media Malaysia harus berpaksi keadilan, jaminan iklim bersuara yang sihat



Khadijah Mohamad Nor ✉ · 5 days ago

👁 156 📄 4 minutes read

Oleh **PROF DATUK DR. AHMAD MURAD MERICAN**

RANG Undang-Undang (RUU) Majlis Media Malaysia (MMM) 2024 yang dicadangkan harus berlandaskan prinsip keadilan, perlindungan dan kebebasan profesion kewartawanan.

Namun, terdapat beberapa perkara asas yang perlu diperhalusi agar ia dapat benar-benar berfungsi sebagai mekanisme kawal selia sendiri yang bebas daripada pengaruh luar dan kerajaan.

### **Cadangan oleh Ahli Parlimen, bukan oleh kerajaan**

Dari segi asasnya, adalah lebih wajar jika Majlis Media Malaysia dicadangkan melalui RUU Ahli Parlimen (*Private Member's Bill*) dan bukannya dibawa oleh kementerian atau menteri.

#### **Related Articles**



#### **Empat negeri capai sifar miskin tegar akhir 2024**

🕒 18 minutes ago



#### **Di mana 'tingkatan' puasa kita?**

🕒 53 minutes ago

Walaupun kerajaan mempunyai kepentingan dalam media dan kewartawanan, peranan mereka seharusnya tidak mencampuri proses ini agar jurang pengaruh dan konteks kuasa antara kerajaan dan media dapat dikekalkan.

Kerajaan boleh berperanan sebagai pemudah cara dalam pembentukan mekanisme kawal selia sendiri, tetapi tidak sepatutnya menjadi pihak yang menentukan hala tuju MMM, apatah lagi sebagai pembawa usul di Parlimen.

Jika kerajaan yang mencadangkan RUU ini, maka sejak awal lagi premisnya bukan lagi pengawalan diri tetapi lebih kepada pengawalan oleh pihak berkuasa negara.

### **Kebimbangan terhadap wakil kerajaan dalam Lembaga MMM**

Satu lagi isu yang membimbangkan ialah peruntukan dua wakil kerajaan dalam Lembaga MMM. Walaupun kerajaan menjelaskan bahawa mereka akan mewakili 'media kerajaan/awam', ini sebenarnya boleh disalah tafsir dan disalah guna.



Sebarang wakil daripada RTM atau Bernama misalnya, harus dilihat sebagai sebahagian daripada profesion kewartawanan dan bukan sekadar mewakili media kerajaan.



Penetapan kategori media seperti 'media bebas,' 'media arus perdana,' 'media awam,' 'media swasta' dan 'media alternatif' juga tidak wajar kerana ia boleh mencerminkan kecenderungan tertentu. Ini yang saya lihat dalam kerangka naratif yang sedang wujud sekarang.

### **MMM sebagai tribunal yang adil dan saksama**

Sebagai sebuah badan kawal selia sendiri, MMM mesti berfungsi seperti tribunal yang adil dan tidak memihak. Ini bermaksud ia beroperasi sebagai saluran aduan terhadap wartawan dan pertubuhan media berita.

Namun apa yang kita lihat dalam cadangan RUU ini ialah kurangnya penekanan terhadap takrifan profesion kewartawanan itu sendiri.

Persoalan asas seperti siapa yang dianggap sebagai wartawan dan organisasi yang layak terlibat dalam MMM perlu dijelaskan.

Wartawan dan orang awam adalah pihak yang perlu dilindungi dalam RUU ini. Oleh itu, mekanisme tribunal yang berfungsi menimbang tara konflik adalah sangat diperlukan.

### **Isu penghukuman dan kod etika**

Cadangan MMM juga tidak jelas mengenai bentuk hukuman atau mekanisme penegakan peraturan.

Kod etika kewartawanan yang diumumkan sebelum ini perlu disemak semula dan digabungkan dalam struktur MMM sebagai asas kawal selia.

Rasionalnya ialah menggunakan peruntukan etika sebagai bentuk akauntabiliti dan bukan sekadar hukuman. Kod etika dan perilaku wartawan yang seharusnya menjadi sebahagian dari RUU wajar menjelaskan kaedah dan jenis hukuman dan sama ada ia membabitkan hukuman punitif seperti penjara atau denda; atau celaan atau pernyataan dari Lembaga MMM itu sendiri.

Jenis hukuman juga boleh menggaris sama ada individu atau organisasi. Apa yang perlu diingatkan bahawa majlis memainkan peranan besar dan signifikan dalam menegur prestasi media atas kesalahan dalam ketepatan dan kefactaan ataupun meninggalkan/membendung maklumat yang wajar disiarkan; atau memberi ulasan/komentar yang tidak seimbang.

Ini tidak bermakna pertubuhan media dan dasar editorial tidak boleh memihak. Media memang boleh bersifat partisan. Lembaga MMM mesti membenarkan dan menggalakkan kritikan dan percambahan pendapat dan perdebatan yang sihat.

Selain itu, MMM boleh menjadi platform perbincangan mengenai kebebasan akhbar dan bersuara.

Perlu juga diperjelaskan sama ada blogger dan individu di luar profesion kewartawanan akan dimasukkan dalam MMM atau tidak.

## Pelesenan dan akreditasi

Di samping itu, persoalan mengenai pelesenan dan akreditasi wartawan juga harus dibincangkan secara mendalam.

Memang secara kebiasaan, sesiapa sahaja dikatakan boleh menjadi wartawan. Namun, kewujudan mekanisme seperti ini mesti memperhalusi anatomi dan fungsi kewartawanan sebagai profesion.

Ini bukan menyekat kebebasan bersuara tetapi menggariskan piawai amalan dan pengamal media. Negara memerlukan kewartawanan yang matang dan berkualiti.

Perbezaan antara mereka yang benar-benar dalam profesion kewartawanan dan mereka yang hanya terlibat secara tidak langsung dalam penyebaran maklumat perlu diperjelaskan.



## Color Measurement i x

Call us now or  
visit our website  
for more queries

[dstech.com.my](http://dstech.com.my)

[Contact Us](#)

Ringkasnya, secara amalan konvensional di negara-negara demokrasi, kerajaan tidak mempunyai *locus standi* untuk mencadangkan mekanisme kawal selia sendiri ini.

Fungsi kewartawanan dalam media harus dipisahkan dengan jelas daripada konsep 'industri media' kerana ia bukan sekadar satu sektor ekonomi tetapi sebuah profesion yang memikul tanggungjawab kepada masyarakat.

Walaupun MMM dicadangkan sebagai sebuah badan statut perundangan, fungsinya lebih sesuai sebagai tribunal yang mengawasi kewartawanan secara adil, menentukan iklim kebebasan bersuara yang sihat serta menjamin keharmonian masyarakat dan negara.

Namun, perlu diingat bahawa sebarang cadangan yang dibawa ke Parlimen baru-baru ini bukanlah keputusan muktamad – ia masih perlu melalui Dewan Negara dan diwartakan sebelum dikuatkuasakan.



## Color Measurement

Call us now or visit our website for more queries  
[dstech.com.my](http://dstech.com.my)

Contact Us

### Kesimpulan

*Locus standi* untuk mengusul, mencetuskan, menghasilkan dan mengendalikan mekanisme kawal selia sendiri ini harus datang daripada profesion kewartawanan sendiri bersama dengan penerbit dan pemilik media – bukan dari kerajaan.

Tujuan utama MMM seharusnya untuk mengekalkan kebebasan media dan kebebasan bersuara serta memastikan akauntabiliti dan tanggungjawab kewartawanan. Sepertimana dalam perlantikan Hakim/Ketua Hakim Negara, Pengerusi Majlis Media Malaysia perlu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini tidak ada dalam mana-mana bahagian RUU.

Justeru, pengerusi akan menentukan mekanisme kawal selia ini bersandarkan kepada kod etika yang jelas dan bukan sekadar menjadi alat kawalan kerajaan ke atas media.


Ia perlu berpusat kepada semua bentuk dan pelantar kewartawanan – cetak, radio, televisyen dan dalam talian. Dan mekanisme ini mesti bijak memisahkan pengeluaran media kewartawanan dengan media sosial. Kod etika dan perlakuan yang sepatutnya integral dengan kerangka mekanisme kawal selia sendiri tidak wajar merangkumi media sosial.

Naratif ini perlu dibawa ke hadapan dalam setiap cadangan berkaitan kawal selia sendiri media di Malaysia.

\* Penulis merupakan Profesor Sejarah Sosial dan Intelektual, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



\* Penulis merupakan Profesor Sejarah Sosial dan Intelektual, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



*Prof Datuk Dr. Ahmad Murad Merican*

Artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak mewakili pendirian Malaysia Tribune

SERTAI KAMI DI MEDIA SOSIAL UNTUK MENDAPATKAN LEBIH INFORMASI DAN VIDEO MENARIK

**Facebook :**[Malaysia Tribune](#)

**X :**[@malaysiatribune](#)

**Instagram :**[@malaysiatribune](#)

**Threads :**[@malaysia.tribune](#)

**Youtube :**[Malaysia Tribune](#)

**TikTok :** [Malaysia Tribune](#)

**Whatsapp Channel :**[Malaysia Tribune](#)

**Telegram :**[Malaysia Tribune](#)

 Tags

[majlis media malaysia](#)

[pilihan](#)

[prof datuk dr ahmad murad merican](#)

[rang undang-undang](#)



### Related Articles



**Resit cukai pendapatan perlu disimpan 7 tahun, elak masalah di masa depan**

🕒 January 10, 2023



**Epilepsi tidak bantu semangat Khamsiah berniaga**

🕒 January 13, 2025



**Kelebihan bersedekah buat ahli keluarga**

🕒 November 22, 2024

### Malaysia MADANI





**Ruangan Wanita**



**IKLAN**

 **Dapatkannya Di TikTok  
GempakDealz || Shop**

 **Atau Hubungi  
017-7423537**





POPULAR TAGS

- anwar ibrahim (977)
- dewan rakyat (176)
- fahmi fadzil (277)
- israel (182)
- kemalangan (208)
- malaysia (200)
- malaysia madani (306)
- mcmc (195)
- meninggal dunia (203)
- palestin (209)
- parlimen (336)
- pdrm (253)
- pilihan (6942)
- pmx (655)
- polis (250)
- siasatan (501)
- sprm (311)
- umno (266)

Recent

Popular

Comments

**POPULAR TAGS**

- anwar ibrahim (977)
- dewan rakyat (176)
- fahmi fadzil (277)
- israel (182)
- kemalangan (208)
- malaysia (200)
- malaysia madani (306)
- mcmc (195)
- meninggal dunia (203)
- palestin (209)
- parlimen (336)
- pdrm (253)
- pilihan (6942)
- pmx (655)
- polis (250)
- siasatan (501)
- sprm (311)
- umno (266)

Recent

Popular

Comments



**Empat negeri capai sifar miskin tegar akhir 2024**

🕒 18 minutes ago



**Dr Akmal sokong tindakan terhadap tiga DJ, pertikai kes Cecilia Yap dan Harith Iskander**

🕒 40 minutes ago




**Di mana 'tingkatan' puasa kita?**

🕒 53 minutes ago




**Penjawat awam Pulau Pinang terima duit raya**

🕒 53 minutes ago



**RUU Perkhidmatan Parlimen: Young Syefura gesa peruntukan kewangan lebih jelas**


🕒 2 hours ago



UNDIAN PINDA PERLEMBAGAAN  
FAHMI SIFATKAN PEMBANGKANG  
GAGAL DALAM USAHA JADIKAN  
PARLIMEN BEBAS

**Malaysia  
Tribune**  
2025 SELURUH NEGARA

OPS PANTAU- PERAK SELANGOR CATAT RES  
KESALAHAN TERTINGGI  
- FUZIAH SALLEH



[View on TikTok](#)

 [View on TikTok](#)

 FOLLOW US



Subscribe to our channel



Malaysia Tribune

 YouTube 34K

Arkib Berita

Select Month

Kategori Berita

Select Category

Tag Popular

[anwar ibrahim](#)

[parlimen](#)

[pilihan](#)

[pmx](#)

[siasatan](#)

